

## Kesedaran dan Sikap Komuniti dalam Pengurusan Persekitaran Di Wilayah Iskandar, Johor

MOHD YUSOF HJ. ABDULLAH

LATIFFAH PAWANTEH

SHARIFAH MASTURA SYED ABDULLAH

NORMAH MUSTAFFA

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan aspek kesedaran dan sikap komuniti terhadap penjagaan persekitaran. Data dan maklumat adalah daripada kajian yang dijalankan ke atas sampel kajian di wilayah Iskandar, Johor. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa kebanyakan penduduk mempunyai kesedaran tentang pentingnya persekitaran yang bersih, namun mereka berfikiran bahawa pihak berkuasa tempatan yang lebih sepatutnya melaksanakan tanggung jawab menjaga kebersihan alam sekitar itu. Responden beranggapan bahawa penjagaan kebersihan di ruang luar kawasan rumah mereka seperti pantai, taman permainan dan tempat-tempat awam adalah tanggung jawab pihak berkuasa. Sikap sebegini boleh menyumbang kepada kurangnya rasa bertanggung jawab dan keinginan menjaga kebersihan persekitaran dalam kalangan komuniti. Makalah ini menyimpulkan bahawa penjagaan persekitaran memerlukan penglibatan semua pihak melalui aktiviti berancang seperti kempen atau program khusus.

Kata kunci: pengurusan alam sekitar, kesedaran, sikap, ruang, penglibatan komuniti

### ABSTRACT

This paper discusses aspect of public awareness and community's attitudes toward environmental preservation. Data and information are collected from field samples undertaken at Iskandar territory, Johor. The outcomes of this survey show most inhabitants at that area are conscious about the importance of environmental cleanliness but their mind-sets are being intimidated by the belief that it is the responsibility of local authorities to take care the environment. Respondents perceived that the space cleanliness care outside their own residential places - namely, beach, public recreation parks and public places in general - are the responsibilities of the authorities. This attitude could contribute

to the detraction of responsibility and the urge to take care of the environment cleanliness within the community. This paper concludes that environmental preservation needs the involvement of all parties through organized activities such as campaigns or special programs.

Key words: environmental management, consciousness, attitude, space, and community involvement.

## Pengenalan

Persekutuan adalah ruang yang penting kepada kehidupan komuniti kerana, secara normatifnya, persekitaran yang bersih boleh menjamin keselesaan dan kesejahteraan hidup penghuni. Keadaan persekitaran yang bersih adalah hasil daripada usaha menjaga dan memelihara kebersihan ruang peribadi, sepunya, dan awam oleh pelbagai peringkat komuniti dan pihak berkuasa. Usaha menjaga dan memelihara ruang persekitaran ini berkait dengan soal kesedaran dan sikap komuniti untuk memastikan persekitaran itu sentiasa bersih dan sehat untuk didiami. Wilayah Iskandar, Johor adalah kawasan yang mempunyai ruang penempatan yang luas dan didiami oleh pelbagai kategori komuniti.

Dasar Alam Sekitar Negara yang digubal dan dikuatkuasakan adalah untuk memelihara dan melindungi alam sekitar supaya sentiasa dalam keadaan bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan (Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)). *Kamus Dewan* (2005) mendefinisikan ‘memelihara’ sebagai membela, menjaga dan merawat sesuatu supaya berada dalam keadaan baik. Sehubungan itu, memelihara alam sekitar adalah usaha yang penting dan kritikal kerana alam sekitar menghadapi pelbagai masalah dari semasa ke semasa. Itu sebabnya isu alam sekitar sentiasa menjadi agenda utama dalam kebanyakan perbincangan dan mesyuarat di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Masalah alam sekitar membawa ancaman besar ke atas diri kita, planet bumi dan generasi akan datang sememangnya menjadi masalah semua orang (*everybody's business*). Misalnya, di peringkat antarabangsa, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah badan dunia yang aktif menganjurkan persidangan seperti Human Environment di Stockholm pada tahun 1972 yang telah mengeluarkan *Deklarasi 19 Prinsip* tentang alam sekitar. Antara lain, Deklarasi ini menyebut usaha untuk mempertahankan dan memelihara persekitaran manusia untuk generasi kini dan akan dating bagi kepentingan sejagat (*Declaration of the UN Conference on the Human Environment*, Stockholm, 1972).

Pada tahun 1992 pula, PBB menganjurkan Persidangan Persekutaran dan Pembangunan di Rio de Janeiro yang lebih dikenali sebagai ‘Persidangan Dunia’ dan telah menghasilkan *Deklarasi Agenda 21*. Deklarasi ini menyebut tentang pentingnya pembangunan yang lestari dan pemeliharaan alam sekitar yang berterusan khususnya untuk menangani isu pemanasan global dan sebagainya.

Semua deklarasi ini merupakan panduan yang perlu dilaksanakan oleh setiap Negara bagi memelihara alam sekitar masing-masing. Pelaksanaan di peringkat mikro memerlukan komitmen semua pihak, iaitu kerajaan, pihak swasta, badan bukan-kerajaan dan komuniti setempat atau lokal. Kaedah yang biasa digunakan untuk pengurusan alam sekitar adalah undang-undang dan bukan undang-undang seperti pendidikan secara formal atau kempen (Fairuz, 2004). Makalah ini membincangkan aspek kesedaran dan sikap komuniti setempat atau lokal terhadap penjagaan persekitaran itu. Adalah penting untuk memahami persepsi komuniti setempat atau lokal tentang isu persekitaran sebelum langkah intervensi diambil dan dilaksanakan. Data dan maklumat tentang kesedaran dan sikap komuniti adalah daripada kajian yang dijalankan ke atas sampel kajian dalam kalangan komuniti di wilayah Iskandar, Johor.

### Isu Alam Sekitar

Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa persekitaran yang bersih boleh menjamin keselesaan dan kesejahteraan hidup penghuninya. Walau bagaimanapun, keadaan persekitaran yang bersih adalah alam sekitar yang bebas dari sebarang bentuk pencemaran yang memerlukan usaha pemeliharaan berterusan dilakukan. Walaupun pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan, namun alam sekitar masih menghadapi masalah yang semakin serius.

Antara masalah berkaitan alam sekitar adalah pencemaran udara, pencemaran air di sungai, kekurangan bekalan air, pencemaran laut dan penggondolan hutan (Harris, 2006). Banyak kajian merumuskan bahawa isu pencemaran alam sekitar ini berpunca daripada perlakuan aktiviti manusia sendiri. Alam sekitar tercemar kerana aktiviti manusia yang lebih mementingkan keuntungan tanpa memikirkan kesan ke atas persekitaran dan kehidupan pada masa hadapan (Aminuddin Hassan *et al*, 2009). Ia juga berkaitan nilai dan cara hidup yang tidak mesra kepada penjagaan persekitaran (Sardar and Ziauddin, 1985).

Harus diakui bahawa pencemaran adalah disebabkan oleh perbuatan manusia sendiri, misalnya, pencemaran udara adalah hasil daripada perlepasan asap kenderaan. Jerebu pula adalah oleh aktiviti pembakaran secara terbuka oleh manusia, bukannya secara semula jadi. Pencemaran air berlaku disebabkan pembuangan sampah dan kumbahan air ke sungai dan laut. Pencemaran tanah pula berlaku disebabkan penggondolan hutan, pembuangan sisa pepejal dan kimia dan sebagainya. Menurut Sham Sani (2005), lanskap alam sekitar di Malaysia telah banyak berubah akibat daripada aktiviti manusia seperti pertanian, perlombongan, pembukaan tanah, aktiviti pembalakan, pertanian pindah dan perbandaran dan aktiviti ini telah menyumbang kepada masalah pencemaran alam sekitar.

Kesan-kesan pencemaran ini memang banyak. Alam sekitar yang tercemar boleh mengancam kesihatan manusia. Banyak penyakit adalah berpunca daripada alam sekitar yang tercemar. Pencemaran juga boleh mengancam tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Alam sekitar yang tercemar juga boleh mendatangkan kerosakan harta benda seperti banjir besar yang berlaku dan perubahan cuaca. Perubahan kepada kualiti alam sekitar ini telah menimbulkan pelbagai ancaman kesihatan dan kesejahteraan hidup manusia di seluruh dunia dari segi kekurangan bekalan air, peningkatan penyakit berjangkit, kekurangan makanan, bencana alam, dan kesesakan Bandar (Ong Choon Nam, 2010).

Pelbagai langkah penyelesaian boleh diambil untuk memelihara alam sekitar. Langkah-langkah penyelesaian bersepadan yang menggabungkan strategi penguatkuasaan peraturan-peraturan dan undang-undang perlindungan alam sekitar, penggunaan teknologi yang mesra alam, dan pendidikan melalui kempen mesti diguna pakai untuk memelihara alam sekitar. Penggunaan tiga strategi bersepadan ini tentunya memerlukan penglibatan aktif semua pihak terlibat seperti agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri, badan-badan swasta dan bukan-kerajaan serta anggota komuniti setempat. Ini adalah kerana keadaan persekitaran yang bersih adalah hasil daripada usaha menjaga dan memelihara kebersihan ruang peribadi, sepunya, dan awam oleh pelbagai peringkat komuniti, pihak berkuasa dan pihak berkepentingan. Usaha menjaga dan memelihara ruang persekitaran ini berkait dengan soal kesedaran dan sikap komuniti untuk memastikan persekitaran itu sentiasa bersih dan sehat untuk didiami. Justeru, adalah penting untuk mengetahui kesedaran dan sikap komuniti setempat tentang isu-isu berkaitan alam sekitar dan penjagaannya supaya strategi yang diguna pakai akan mendapat menjana penglibatan maksima semua pihak.

## Kajian Perspektif Komuniti Tentang Pengurusan Persekutaran

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dan memahami kesedaran dan sikap komuniti di Wilayah Iskandar, Johor terhadap aspek-aspek penjagaan persekitaran. Pemahaman dan pengetahuan tentang kesedaran dan sikap komuniti ini boleh membantu merangka usaha dan langkah-langkah intervensi untuk penjagaan persekitaran yang lebih baik. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian di beberapa lokasi dalam wilayah Iskandar.

Kajian ini menemu bual sebanyak 250 responden daripada beberapa sampel lokasi di wilayah Iskandar. Temu bual dijalankan oleh penemu bual yang telah dilatih untuk mengendalikan tinjauan ini. Tinjauan mengukur perspektif persepsi anggota komuniti berkaitan ruang fizikal peribadi, sosial dan awam dari segi;

- a. Kesedaran tentang isu-isu persekitaran
- b. Pengetahuan tentang persekitaran
- c. Amalan penjagaan persekitaran

Pemerhatian pula dijalankan di sampel lokasi untuk merekod dan melihat keadaan persekitaran dan tahap kebersihan lokasi tersebut.

Satu kajian pilot ke atas 30 responden telah dijalankan sebelum tinjauan sebenar untuk menguji kebolehpercayaan dan kejelasan soalan-soalan soalselidik. Ujian Cronbach's Alpha menunjukkan semua angkubah mempunyai .70 ke atas dan item dalam soalselidik adalah jelas dan sesuai. Jadual 1 menunjukkan hasil ujian Cronbach's Alpha.


**JADUAL 4.1. Hasil Ujian Cronbach's Alpha**

Angkubah	Bil. item	Nilai Cronbach's Alpha
Kesedaran tentang isu	6	0.739
Kekerapan isu berlaku	6	0.751
Mengetahui sebab berlaku	6	0.755
Mengetahui cara untuk atasi	6	0.759
N=30		

## Perbincangan Hasil Kajian


### Profil responden

Tinjauan dijalankan ke atas 250 responden di 10 lokasi kajian. Rajah 4.1 menunjukkan taburan responden dari segi bilangan di lokasi kajian.




RAJAH 4.1. Taburan Responden di lokasi kajian

Taburan responden dari segi gender pula dan kategori umur dipaparkan dalam Rajah 4.2 dan 4.3. Kebanyakan responden adalah lelaki dan berumur 40 tahun ke atas.




RAJAH 4.2. Gender responden




RAJAH 4.3. Kategori umur responden

Rajah 4.5 memaparkan taburan responden dari segi etnik. Sebanyak 65.2% adalah responden Melayu, Orang Asli 26.4%, Cina 5.2%, India 2% dan lain-lain 1.2%. Di Wilayah Iskandar ini memang terdapat beberapa komuniti Orang Asli Seletar.




RAJAH 4.5. Etnik Responden

Dari segi pendidikan pula, separuh responden mempunyai pendidikan di peringkat menengah dan suku pula mendapat pendidikan di peringkat rendah sahaja. Terdapat 16.8% responden yang kebanyakannya Orang Asli tidak pernah bersekolah. Rajah 4.6 menunjukkan tahap pendidikan responden.




RAJAH 4.6. Tahap Pendidikan

Rajah 4.7 memaparkan kawasan petempatan dan jenis pentempatan yang didiami oleh responden. Di wilayah Iskandar ini terdapat kawasan perbandaran, pekan, dan kampung. Jenis rumah didiami juga berbeda-beda.




RAJAH 4.7. Kawasan Tempat Tinggal




RAJAH 4.8. Jenis Rumah Kediaman

Majoriti responden memiliki rumah sendiri, 14% menyewa dan 4% menyatakan mereka menumpang di rumah keluarga atau rakan. Jadual 9 menunjukkan pemilikan rumah kediaman responden.



RAJAH 4.9. Pemilikan Rumah


Dari segi pekerjaan pula, taburannya adalah pelbagai. 24.8% bekerja di sektor swasta, 21.6% sebagai nelayan, 18.4% adalah masih belajar dan ada juga 4.8% penjawat awam. Rajah 4.10 memaparkan taburan pekerjaan responden.




RAJAH 4.10. Taburan Pekerjaan Responden

## Kesedaran Tentang Persekitaran

Tinjauan ini mengukur kesedaran responden tentang isu-isu alam sekitar yang berlaku di persekitaran dan kekerapan isu itu berlaku di ruang mereka. Hasil dapatan kajian dibentangkan secara deskriptif berdasarkan purata. Pada keseluruhannya, purata kesedaran responden tentang isu-isu alam sekitar adalah antara tahap sedar dan kurang sedar.




Masalah pencemaran alam sekitar di beberapa lokasi Wilayah Iskandar




RAJAH 4.11. Purata Kesedaran tentang isu-isu alam sekitar

Dari segi kekerapan isu alam sekitar berlaku di kawasan mereka, responden menyatakan memang ada berlaku masalah pencemaran seperti pencemaran sungai, pembuangan sampah merata-rata, hakisan, dan pembakaran terbuka.




RAJAH 4.12. Kesedaran Kekerapan Berlaku Isu Persekitaran

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kesedaran tentang isu dan kekerapan isu itu berlaku di ruang mereka adalah selari dengan pengetahuan mereka tentang punca berlakunya masalah alam sekitar itu. Responden mempunyai agak cukup pengetahuan tentang sebab masalah itu berlaku dan cara-cara untuk mengatasi masalah yang berlaku. Rajah 4.13 dan 4.14 menunjukkan purata dapatan kajian berkaitan pengetahuan tentang punca dan cara-cara untuk mengatasi.



RAJAH 4.13. Purata Pengetahuan Punca Berlaku Isu alam sekitar



RAJAH 14. Purata Pengetahuan Tentang Cara-Cara Mengatasi

### Amalan Penjagaan Persekutaran

Aspek amalan adalah penting untuk menunjukkan sejauh mana kesedaran dan pengetahuan yang dimiliki oleh responden dimanifestasikan dalam penjagaan persekitaran. Responden menyatakan bahawa tanggung jawab membersihkan kawasan dalam rumah dan halaman rumah adalah terletak kepada anggota keluarga itu sendiri. Mereka lah yang sepatutnya membersihkan kawasan ruang peribadi tersebut. Namun begitu, pemerhatian di lokasi kajian mendapati masih ada ruang peribadi yang tidak dibersihkan oleh pemiliknya.

Apabila ditanyakan tentang siapa yang bertanggung jawab untuk membersihkan ruang social seperti taman permainan, dewan komuniti dan ruang awam seperti pantai, jeti dan taman, kebanyakan responden

berpendapat itu adalah tanggung jawab pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya dan Majlis Daerah. Justeru adalah didapati bahawa kawasan-kawasan ini sering menghadapi masalah seperti kotor, tidak dijaga dan rosak kerana komuniti tidak mengambil inisiatif untuk bersama menjaga. Ini adalah kerana mereka beranggapan bahawa ruang itu bukan milik mereka dan tidak perlu untuk memeliharanya.

Responden lebih cenderung menyatakan bahawa mereka hanya perlu membersihkan kawasan dalam dan halaman rumah mereka sahaja. Mereka menyatakan mereka tidak ada kena mengena untuk menjaga kebersihan pantai, laut dan sungai, kebersihan di jeti dan taman permainan. Sikap ini adalah tidak positif kerana komuniti merasakan tidak perlu untuk memelihara kebersihan kawasan tersebut. Justeru, kita dapat kebanyakan ruang social dan awam kotor dan terbiar.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa komuniti masih mempunyai sikap tidak prihatin kepada pemeliharaan kebersihan ruang persekitaran. Penglibatan mereka untuk menjaga kebersihan ruang social dan awam adalah rendah. Kebersihan alam sekitar dan ruang bersama seperti jalan, kemudahan-kemudahan, taman, sungai, laut, taman mestilah dikongsi bersama oleh semua peringkat masyarakat. Penglibatan public amat penting untuk memastikan usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar itu lebih berkesan (Eleanor Wong, 2006).

## Kesimpulan

Persekutaran adalah ruang yang penting kepada kehidupan manusia dan komuniti. Ruang fizikal ini mempengaruhi pembangunan dan menyokong pertumbuhan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Justeru, alam sekitar perlu berada dalam keadaan yang amat memuaskan untuk menampung kualiti kehidupan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Keadaan alam sekitar yang amat memuaskan adalah bebas daripada ancaman pencemaran. Dapatkan tinjauan dan pemerhatian yang telah dijalankan memberitahu kita bahawa masih berlaku pencemaran alam sekitar di beberapa lokasi di wilayah Iskandar. Di beberapa lokasi berkenaan, tumpuan perlu diberikan untuk langkah-langkah pemeliharaan alam sekitar dilaksanakan. Masalah alam sekitar ini perlu ditangani dengan menggunakan pendekatan 3E iaitu penggunaan teknologi yang bersesuaian untuk mencegah pencemaran air, udara dan tanah; penggunaan kaedah mendidik melalui kempen dan program promosi untuk mendidik komuniti tentang impak pencemaran alam dan menarik minat mereka untuk sama-sama mengambil bahagian menjaga kebersihan

ruang sekitar; dan penggunaan kaedah penguatkuasaan peraturan dan undang-undang untuk menegah individu yang masih degil kerana mengotorkan alam sekitar. Memang benar seperti yang dikatakan oleh Sham Sani (2005) bahawa sebarang usaha yang baik untuk memelihara alam sekitar tidak akan Berjaya sekiranya public tidak menyokong sepenuhnya. Sokongan daripada public boleh diperolehi jika mereka mempunyai kesedaran dan sikap yang positif kepada isu-isu persekitaran dan pemeliharaan alam sekitar. Pendidikan yang berterusan untuk menanam dan membentuk kesedaran di kalangan publik adalah penting dilaksanakan secara sistematis dan berkesan. Makalah ini menyimpulkan bahawa penjagaan persekitaran memerlukan penglibatan semua pihak melalui aktiviti berancang seperti kempen atau program khusus. Adalah penting komuniti dilibatkan dalam usaha memelihara alam sekitar melalui kesedaran, pengetahuan dan amalan menjaga kebersihan alam sekitar. Perencanaan kempen dan program mendidik boleh menggunakan dapatan tinjauan dan pemerhatian ini untuk memformatkan kempen yang hendak dilaksanakan.

### Rujukan

- Aminuddin Hassan et al. “The level of environmental awareness among students to fulfil the aspiration of national philosophy of education”. *American Journal of Scientific Research*, Issues 5, p50-58.
- Eleanor Wong. 2006. “*Public participation in environmental planning and the preparation process of local plans*”. Paper presented at 4<sup>th</sup>. Sabah-Sarawak Environmental Convention, Kota Kinabalu.
- Fairuz Mohd Darus. 2004. “Peranan pihak berkuasa tempatan dalam pengurusan kualiti udara bandaraya Kuala Lumpur. Dalam Jamaluddin Md.Jahi, Mohd Jailani Mohd Noor, Kadir Ariffin dan Azahan Awang (eds.). *Alam Sekitar dan Kesejahteraan Masyarakat Malaysia*. 67-84. Bangi, UKM.
- Harris, P.G. 2006. “Environmental perspectives and behaviours in China: Synopsis and Bibliography”. *Environment and Behaviour*, 38:11. [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)
- Kamus Dewan*. 2005, edisi ke 4; Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ong Choon Nam. 2010. “Challenges in environment and health: An Asian perspective”. *Journal of Community Health*, Vol. 16, Supplement (1).

- Sham Sani. 2005. "Man and the environment". Dalam The *Encyclopedia of Malaysia: The Environment*, Vol. 1. Kuala Lumpur.
- Sardar and Ziauddin. 1985. *Islamic futures*. Mensell Publishing Ltd. New York.
- United Nations Conference on Human Environment. 1972, Stockholm, *Global Issues*, Paris. United Nations.